

16/11/1999

Pas tidak gentar BN gempur empat negeri

ALOR STAR, Isnin - PAS tidak gentar dengan tumpuan kempen Barisan Nasional (BN) di Kedah, Perlis, Terengganu serta Kelantan.

Presiden Pas Datuk Fadzil Noor berkata, beliau melihat tumpuan itu sebagai usaha menggagalkan matlamat PAS menawan Kedah, Perlis dan Terengganu serta mengekalkan pemerintahan di Kelantan pada pilihan raya umum ke-10 pada 29 November ini.

"Pas telah bersiap sedia bagi menghadapi sebarang gerak gempur BN.

"Kita tidak akan panik. Kita akan menghadapi BN di empat negeri berkenaan seperti kita berhadapan mereka di negeri lain... tiada sebarang langkah khusus," katanya ketika di hubungi hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyebut kempen BN akan ditumpukan di empat negeri berkenaan yang penduduknya majoriti Melayu.

Semalam, Dr Mahathir dilaporkan berkata bahawa di negeri-negeri itu, banyak orang Melayu di kampung yang begitu percaya kepada orang yang pada pendapat mereka ulama, yang mengelar diri mereka ulama dan mengguna kedudukan mereka untuk mengelirukan rakyat.

Fadzil yang percaya bahawa kempen di empat negeri itu akan menjadi lebih agresif meminta semua pihak memastikan suasana baik dan aman terpelihara sepanjang tempoh kempen.

Mengulas mengenai pembahagian kerusi dalam barisan alternatif, Fadzil berkata masih terdapat sedikit lagi perkara yang perlu diselesaikan berhubung perkara berkenaan.

"Kita akan menyelesaikannya dalam tempoh dua, tiga hari ini," katanya sambil menambah bahawa keputusan muktamad pembahagian itu akan diumumkan pada 19 November ini.

(END)